

Lebih 2,000 saksikan Konsert Rockestra Lagenda

Idea dan usaha Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menggandingkan pasukan orkestra di bawah naungan bersama barisan penyanyi legenda tanah air membuah hasil apabila mendapat sambutan hangat peminat.

Lebih 2,000 peminat hadir menyaksikan Konsert Rockestra Lagenda dengan menampilkan penyanyi berpengalaman seperti Muss, Ameng Spring, Ezad Lazim, Baggio Damasutra dan Tom.

Konsert yang berlangsung di Panggung Anniversari, Taman Botani Perdana, Kuala Lumpur itu menghimpunkan peminat dari pelbagai negeri dengan ada antaranya hadir berkonvoi menaiki motosikal berkuasa tinggi yang sinonim dengan imej rock.

Setiap penyanyi membuat persembahan dilihat menghadihkan pengalaman berharga buat peminat apabila berpeluang melihat idola mereka di depan mata, malah rata-rata tidak melepaskan peluang turut menyanyi.

Dari segi persembahan, ternyata lagu rock dibawakan oleh penyanyi handalan dengan iri-



Dari kiri, Ezad, Muss, Tom, Baggio dan Ameng tampil dalam Konsert Rockestra Lagenda di Panggung Anniversari, Taman Botani Perdana, baru-baru ini.

(Foto Aswadi Alias/BH)

ngan 57 pemuzik orkestra mempunyai keunikan tersendiri, apatah lagi, sistem bunyi ditampilkan cukup memberi kesan.

Mengulas kejayaan Konsert Rockestra Lagenda, Pengarah Jabatan Kebudayaan, Kesenian, Pelancongan dan Sukan DBKL, Naquib Hamdan, berkata ia di-

dorong oleh usaha DBKL untuk memastikan hiburan terbaik dapat diberikan kepada warga ibu kota.

Naquib berkata, Konsert Rockestra Lagenda adalah salah satu platform hiburan yang sudah direncanakan dalam kalendar acara DBK, tahun ini.

“Tahun ini, kami menggabungkan pasukan orkestra daripada DBKL bersama penyanyi legenda rock tanah air. Sebelum ini, kami pernah buat, cuma ia dilaksanakan pada tahun tertentu sahaja.

“Persiapan kami ambil masa selama seminggu membabitkan sesi latihan antara orkestra de-

ngan barisan penyanyi.

“Kami bersyukur dan berte-rima kasih kepada artis legenda ini sebab mereka betul-betul berpengalaman dan profesional.” katanya ditemui selepas konsert di Panggung Anniversari, Taman Botani Perdana.

Naquib berkata, konsert dikedengahkan mempunyai keunikan tersendiri dan tidak menolak akan menganjurkannya lagi pada masa akan datang.

“Saya rasa keunikan konsert ini adalah setiap penonton yang hadir dapat keseronokan sebab konsert dibawa adalah gabungan antara orkestra DBKL dan penyanyi legenda rock.

“Lagu-lagu dibawa memang bersifat malar segar dan menjadi ikutan sehingga generasi sekarang. Itu kelebihan yang kami nampak,” katanya.

Sementara itu, Ketua Unit Muzik DBKL, Isabella Pek, berkata pihaknya tidak menyangka konsert berkenaan mencatatkan kehadiran cukup baik, selain menyifatkan ia sebagai usaha memajukan industri pelancongan.